

25 APR 1998

Ghani-Air

JOHOR ADA 11 KAWASAN POTENSI DIJADIKAN EMPANGAN

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Johor mempunyai 11 kawasan yang berpotensi dijadikan empangan untuk menampung bekalan air ke seluruh negeri itu, dan juga jiran-jirannya, terutamanya Melaka dan Singapura.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata keupayaan kawasan-kawasan berkenaan berdasarkan kepada sungai-sungai yang ada di negeri itu.

Ditanya mengenai perjanjian baru mengenai air dengan Singapura, Abdul Ghani berkata, Kerajaan Johor akan patuh kepada apa juga keputusan yang dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Singapura.

"Terserahlah kepada apa keputusan antara Malaysia dan Singapura, Kerajaan Johor menunggu apa juga keputusan antara kedua-dua negara," katanya ketika ditanya pemberita selepas perasmian Hospital Pakar Damansara dekat sini.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata Malaysia dan Singapura telah mencapai persetujuan agar Malaysia terus membekalkan air kepada republik itu tetapi persetujuan perlu datang dari Kerajaan Johor kerana air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Malaysia kini membekalkan air kepada Singapura melalui dua perjanjian bekalan air Sungai Johor iaitu pada tahun 1961 dan 1962. Perjanjian pertama akan tamat pada tahun 2011 sementara perjanjian kedua tamat pada tahun 2061.

Mengikut perjanjian itu, Johor membekalkan air mentah sebanyak 214 juta liter sehari kepada republik itu dan Malaysia membeli balik 35 juta liter air yang telah diproses dari loji milik Singapura di Johor.

Abdul Ghani dilaporkan pada pertengahan bulan ini sebagai berkata bahawa Kerajaan Johor menyokong cadangan supaya bekalan air dari Johor ke Singapura selepas tahun 2061 dibuat berasaskan kepada pembekalan air yang telah dirawat.

-- BERNAMA

AFY WAT